

kilogram (kg) ialah makanan kering yang perlu diberikan kepadanya.

Bagaimanapun, 25 peratus daripada berat rumput adalah berat air.

Oleh itu, seekor ternakan yang mempunyai berat badan 100kg perlu diberi sebanyak 10kg rumput (berat kering) selepas ditolak kandungan air. Sekiranya bekalan rumput tidak mencukupi, sebahagian daripadanya boleh digantikan dengan dedak. Kiraan separuh daripada itu perlu diambil kira dalam pemakanan makan kering berkenaan jika 50 peratus daripada berat ternakan diberi rumput.

Jalan erti kata lain, penternak perlu dedekekkan dengan pengetahuan seperti ini agar dapat mengoptimalkan penggunaan makanan pada ternakan.


Mereka juga perlu mengetahui kandungan nutrisi setiap bahan sampingan yang ingin digunakan seperti hampas tauhu dan pelepah sawit bagi memastikan rumusan makanan yang dihasilkan memenuhi keperluan ternakan.

Bagi membantu penternak, pihak MARDI akan membangunkan satu pangkalan data yang boleh dilayari di laman web sebagai rujukan berkaitan pemakanan ternakan.

Pangkalan data tersebut dinamakan Sistem Maklumat Pemakanan Haiwan MARDI (MARIS) diharap dapat membantu para penternak mendapatkan maklumat yang betul berkenaan dengan pemakanan haiwan.

Selain itu, MARDI juga telah berjaya mekalisasikan satu rumusan makanan ternakan dalam bentuk pelet yang sedang diuji keberkesanannya.

Mengenai ICAN 2012, beliau berkata ia diadakan adalah untuk mempromosi perkembangan dan kemajuan terkini pemakanan ternakan, mempromosi teknologi



RUMPUT merupakan sumber serat yang penting bagi ternakan ruminan.

pemrosesan makanan ternakan dan juga memperkuatkan hubungan antara penyidik, pengeluar, pengilang, pembuat dasar dan industri berkaitan. Persidangan yang bakal dihadiri oleh saintis dan penyidik terkemuka dari dalam dan luar negara ini akan membentangkan kertas kerja meliputi pelbagai topik.

Antaranya, aliran semasa bekalan makanan sejajar dan implikasinya terhadap industri makanan ternakan, bahan aditif dalam makanan ternakan, perspektif makanan ternakan masa hadapan, meningkatkan dan menambah bak keberkesanan, peranan serta dalam makanan ternakan, mengurangkan pencemaran

dalam makanan ternakan dan juga keselamatan makanan.

Katanya, persidangan tersebut ditujukan kepada kumpulan sasar utama seperti industri makanan ternakan, pengilang, ahli teknologi, agen pembangunan, usahawan, pembuat dasar dan pengeluar.

ICAN 2012 merupakan acara dwitahunan mula diadakan pada 2003 dan tema yang dipilih pada kali ini ialah Inovasi Dalam Nutrisi dan Pemakanan Haiwan Bagi Pengeluaran Ternakan.

Info ICAN 2012

- Tarikh: 24 hingga 26 April 2012
- Lokasi: Hotel Equatorial Melaka
- Hubungi: Sekretariat Program dan Pameran Pusat Perkhidmatan Teknikal Ibu Pejabat MARDI, Persiaran MARDI-UPM 43400 UPM Serdang
- Tel: 603-89415070 / 89437572
- emel: zulaikha@mardi.gov.my

GENKIMO antara produk penyediaan MARDI bagi membantu industri ternakan ruminan.



Membangunkan baka berprestasi tinggi

Oleh NAZRUL AZIM SHARUDDIN
nazarulazim@utusan.com.my

MELIHAT senario industri penternakan kambing di negara ini, tidak diandaikan memang ramai pengusaha bermula mencuba kerana mendapat permintaan tinggi selain memberi pulangan yang lumayan.

Namun, daripada segi prestasi, sebenarnya tidak semua pengusaha mengetahui amalan penternakan yang baik terutama aspek pengimportan baka, pemergusan ladang dan pembangunan pembiakan. Kejurangan ilmu tersebut menyebabkan pengaliran kambing ternakan tidak mampu mencapai potensi yang sepatutnya daripada segi berat yang sesuai untuk dipasarkan serta kos pengeluaran menjadi lebih tinggi berbanding jualan



ZAINAL ABD. GHANI

Daripada segi baka pula, kemasukan genetik yang tidak berkualiti bakal memberi kesan produktiviti yang rendah terhadap industri secara keseluruhan.

Kesedaran itu dilihat akan menyumbang kepada masalah penurunan bekalan daging kambing dan secara tidak langsung pengusaha juga akan mengalami kerugian serta akhirnya gulung tikar.

Menurut Presiden Persatuan Penternak Kambing Malaysia, Zainal Abd. Ghani, bagi mengatasi masalah tersebut, perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah kesedaran para pengusaha tentang betapa pentingnya mengimport baka bermutu tinggi.

"Ini kerana, jika kita menerima baka yang genetik baik, maka ia akan menghasilkan anak yang banyak dan juga berkualiti.

"Peningkatan perolehan daging dan nisbah penghasilan anak ini juga bakal

Info

Amalan penternakan baik untuk industri pembiakan kambing:

- Peningkatan dan pemilihan baka-baka berprestasi tinggi.
- Peningkatan purata kenakan harian (ADG) kepada melebihi 100 gram (g) sehari.
- Pemakanan berkhasiat tinggi.
- Pemergusan ladang dan ternakan yang efisien.
- Kaedah penternakan yang mudah.

mengurangkan bilangan keperluan baka untuk diperluatkan," katanya.

Dalam perkembangan sama, kerajaan turut digesa untuk mengambil kira protokol pembiakan dan bakunya protokol penyembelitan ketika mengimport baka kambing daripada

negara-negara tertentu.

"Tumpuan harus diberi kepada negara-negara berpotensi seperti Afrika Selatan, New Zealand serta Australia dan bererti mendaftari daripada negara-negara yang tidak protokol eksport," jelasnya.

Daripada segi hala tuju pengurusan ladang pula, setiap pengusaha perlu mengamalkan konsep pembiakan haiwan ternakan secara berperingkat dikenali sebagai *gene pool* yang diperkalkan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Ia melibatkan ladang nukleus untuk tujuan peningkatan genetik, ladang pengandaian untuk pengandaian baka dan akhir sekali ladang komersial untuk pengeluaran daging.

"Dengan cara itu, pengeluaran daging kambing tempatan akan dapat diperingkat serta mengurangkan import melalui pendekatan yang sistematik," katanya.

Dengan inisiatif penambahbaikan tersebut, adalah diharapkan industri berkenaan akan mampu memenuhi sasaran permintaan daging kambing sebanyak 39 juta tan metrik menjelang tahun 2020.